



# kaunseling Remaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Marian Metro, Balai Benta, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau emel kepada [rencana@hmetro.com.my](mailto:rencana@hmetro.com.my)

# Dilema antara kekasih, teman baru

*Siswi temui cinta baru selepas hubungan cecah tiga tahun*

## Soalan

**S**AYA siswi sebuah institusi pengajian tinggi dan berhadapan dengan masalah peribadi yang sentiasa mengganggu.

Saya mempunyai teman lelaki sejak tahun pertama memasuki universiti dan kini mencecah tiga tahun.

Hubungan kami baik kerana saling memahami dan setia. Bagaimanapun, ada kalanya saya terfikir adakah kami akan bersama dengan beberapa perangnya yang kurang saya senangi.

Baru-baru ini, saya

berkenalan dengan seorang lelaki lain dan jatuh hati dengannya walaupun sering menafikannya.

Selepas beberapa bulan berkawan, dia memberitahu mempunyai teman wanita dan banyak kali tertanjur.

Dia memberitahu mahu memutuskan hubungan dengan teman wanitanya kerana tidak serasi lagi. Namun, sukar untuknya berbuat demikian kerana dia dan keluarga teman wanitanya mempunyai hubungan baik.

Saya kasihankan teman wanitanya, tetapi tidak

sanggup kehilangannya. Bagi saya, keterlanjuran antara mereka adalah perkara lalu. Jadi, saya tidak perlu memikirkannya.

Namun, kini saya bingung memilih siapakah yang akan menjadi teman hidup saya.

Saya sayangkan teman lelaki, tetapi rasa bahagia dengan teman baru. Saya tidak mahu meneruskan hubungan dengan teman lelaki hanya disebabkan kasihannya kerana hubungan kami sudah lama.

Bagaimanapun, jika saya bersama teman baru, adakah nasib saya akan sama dengan

teman wanitanya yang akan ditinggalkan jika sudah tidak serasi?

Dari segi masa depan, teman lelaki saya lebih berjaya berbanding teman baru yang hanya seorang askar bawahan.

Saya benar-benar mengharapkan bantuan daripada Dr kerana tidak mahu tersalah pilih.

Gadis bingung,  
Shah Alam.

## Jawapan

**M**EMBUAT pilihan sangat disukai terutama membatalkan jodoh. Jika tersalah pilih, amat sukar untuk kita berpatah balik. Justeru, kita perlu berhati-hati dan memikirkan banyak faktor.

Untuk masalah adik, Dr tidak boleh menjelaskan siapakah yang paling layak kerana hanya adik dapat menentukannya.

Antara rasa sayang dan kasih terhadap teman lelaki serta bahagia dengan teman baru, adik perlu membuat pilihan manakah ciri-ciri itu menjadi keutamaan.

Selain itu, adalah penting untuk adik mengetahui dengan jelas ke mana arah tuju perhubungan yang diinginkan. Kaji betul-betul adakah ia sekadar suka-suka atau perhubungan itu akan diakhiri dengan perkahwinan?

Apabila pilihan sudah dibuat, adik perlu bertanggungjawab dengan keputusan itu. Siapa pun yang adik pilih

sebagai teman hidup, cabarannya pasti ada.

Cabaran mungkin berbeza bagi setiap, lelaki tetapi apa yang lebih penting ialah kesanggupan adik untuk bertanggungjawab dan menghadapi segala kepayahan dalam perhubungan.

Dalam sesuatu perhubungan, menerima seadanya pasangan, sayang menyayangi, bekerjasama dan saling memahami adalah perkara penting. Komunikasi yang jelas juga sangat penting ditambah elemen cinta dalam menghidupkan perasaan dan perhubungan.

Jadi, Dr berharap agar adik dapat membuat keputusan yang terbaik untuk diri sendiri dan masa depan.